

16 SEP 1998

CLINTON-MATAWANG

GESAAAN CLINTON PATUT MERANGKUMI DISIPLIN KEWANGAN: BEKAS TOKOH BANK

Oleh: Mikhail Raj

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Gesaan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton supaya mesyuarat peringkat tertinggi menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat dalam masa 30 hari lagi untuk meningkatkan sistem kewangan global hendaklah termasuk langkah-langkah untuk mendisiplinkan pasaran-pasaran kewangan.

"Mestilah ada langkah-langkah untuk mengawal para spekulator mata wang dan dana-dana lindung nilai bagi mengelakkan ketidak stabilan yang mereka bawa ke pasaran," Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat ekonomi kepada kumpulan syarikat-syarikat Sungei Way dan bekas tokoh bank, berkata.

Katanya langkah-langkah itu patut juga merangka satu lagi perjanjian Bretton Woods yang mengawal selia pasaran-pasaran mata wang seperti disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Clinton, yang berucap kepada Majlis Perhubungan Luar Negeri Isnin lalu, telah menggesa Setiausaha Perbendaharaan AS Robert Rubin dan pengerusi Rizab Persekutuan Alan Greenspan supaya mengaturkan satu perjumpaan dengan Kumpulan Tujuh negara-negara perindustrian dan juga mereka yang daripada pasaran-pasaran sedang muncul.

Navaratnam, bagaimanapun, berkata inisiatif Clinton itu haruslah ikhlas dan tidak merupakan satu gimik politik bagi menyelamatkan dirinya daripada publisiti akibat masalah dirinya sendiri.

"Kita harap dia menunjukkan kepada kita ketokohan kepimpinannya," katanya, sambil menambah bahawa Amerika Syarikat patut juga memberikan kepimpinan dalam mengwujudkan perubahan dalam struktur kewangan antarabangsa.

Menyifatkan gesaan oleh Clinton supaya satu mesyuarat untuk mengkaji semula sistem kewangan dalam masa 30 hari akan datang sebagai satu inisiatif yang berani dan positif, katanya jika ia dipatuhi dengan serius, maka ia mungkin amat berfaedah kepada krisis ekonomi masa kini yang telah merebak ke seluruh dunia.

Ini menunjukkan keutamaan bahawa masalah telah diketepikan selama ini sehingga krisis itu merebak ke Amerika Latin, di halaman AS, katanya.

Beliau mengingatkan bahawa ia tidak seharusnya serupa dengan seperti janji yang dibuat oleh Rubin tahun lalu untuk mempunyai satu bentuk kewangan baru yang tidak menjadi kenyataan.

Mengenai ulasan Clinton yang Jepun adalah kunci kepada pemulihan ekonomi di Asia, Navaratnam berkata bahawa ini adalah menyeleweng kerana Amerika sentiasa menyalahkan Jepun.

Jepun sendiri boleh menyumbang melalui menambah wang ke dalam sistem, membangunkan ekonominya tetapi semua usahanya dan usaha-usaha Asia tidak akan berhasil jika AS sendiri tidak mengotakan katanya dengan mengambil peranan kepimpinan yang kukuh di dalam memperkenalkan pembaharuan cepat kepada struktur kewangan antarabangsa, katanya.

Katanya satu pembaharuan pasaran kewangan telah menjadi kian penting dengan pengakuan yang mengejutkan oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) bahawa ia telah melakukan kesilapan dalam menangani masalah ekonomi Asia,

Beraskan ini, "Kita patut menggantikan pegawai-pegawai utama di dalam IMF dan pada waktu yang sama, menggesa AS memberikan bahagiannya sebanyak AS\$18 bilion kepada tabung itu," katanya.

Hanya dengan kepimpinan baru pembaharuan kewangan yang perlu berlaku dan juga meningkatkan keyakinan terhadap IMF itu sendiri, katanya.

-- BERNAMA

MR SA OS